

BERITA ONLINE

UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 04 DISEMBER 2021 (SABTU)



Buka peluang lebih banyak kepada profesion teknikal isi jawatan strategik negara – PM



ISMAIL SABRI YAAKOB

- Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
- 4 Disember 2021, 10:42 am

PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) diharap dapat membuka lebih banyak peluang kepada warga profesion teknikal mengisi jawatan strategik dan pembuat dasar negara yang secara tradisinya diisi golongan pengurusan, dalam merealisasikan perkhidmatan awam berprestasi tinggi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, hasrat itu diyakini dapat direalisasikan kerana Malaysia mempunyai ramai bakat yang diiktiraf di pentas antarabangsa.

Sebagai contoh, kata beliau, bakat-bakat tempatan di luar negara seperti Jurutera Mekanikal TESLA Inc. Amerika Syarikat, Fakhirah Khairuddin dan Jurutera Struktur, Pakar Reka bentuk dan Pengurus Kanan Teknikal di BMW Motorsport Jerman, Mohammad Ruhaidi Abdul Rashid.

Bagi sektor awam, Perdana Menteri berkata, Malaysia juga boleh berbangga dengan agensi teknikal kerajaan, contohnya Jabatan Kerja Raya (JKR) yang banyak berjasa

kepada pembangunan infrastruktur negara dengan melaksanakan lebih RM500 bilion projek pembangunan infrastruktur sejak ditubuhkan pada 1872.

“Sebagai contoh terbaik, JKR juga bergerak ke hadapan dengan teknologi terkini dengan mempelopori penggunaan Building Information Modeling (B-I-M), I-Supervision dan E-Perolehan dalam pelaksanaan projek.

“Ini pastinya sebagai pemangkin kepada pelaksanaan era Revolusi Perindustrian (IR 4.0) yang berimpak tinggi seperti percetakan tiga dimensi (3D), Internet kebendaan (IoT), data raya (Big Data), realiti maya (virtual reality) dan teknologi realiti terimbuh (augmented reality),” katanya ketika berucap merasmikan Hari Profesional Teknikal Negara (HPTN) 2021 secara maya hari ini.

Dalam pada itu Ismail Sabri turut membangkitkan berhubung bidang Pendidikan Teknikal Dan Latihan Vokasional (TVET) yang sering disalah erti sebagai pilihan kedua dan hanya layak untuk individu kurang cemerlang dari segi pencapaian akademik.

Beliau berkata, stigma itu sudah lapuk kerana graduan dalam bidang itu sebenarnya kian mendapat perhatian majikan. Jelas beliau, Malaysia kini mempunyai banyak syarikat berteraskan teknologi dan bertaraf dunia yang majoritinya dipelopori warga profesion teknikal dan peluang pekerjaan berkaitan jurusan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dan TVET adalah amat cerah dan tidak seharusnya dilepaskan oleh Keluarga Malaysia terutamanya golongan muda.

“Ia adalah hasil perancangan teliti kerajaan semenjak tahun 2013 bermula dengan pengenalan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSNT) yang menggalakkan penggunaan teknologi termaju bagi melahirkan tenaga kerja profesional teknikal yang mahir dan berketerampilan.

“Sehingga tahun ini, Malaysia telah mempunyai sejumlah 203,966 keanggotaan berdaftar dalam pelbagai bidang kemahiran berkaitan profesion teknikal,” katanya. Justeru, Perdana Menteri berkata, bagi memastikan negara tidak ketinggalan dengan arus perubahan dan ledakan teknologi, kerajaan memperkenalkan Dasar Revolusi Perindustrian Keempat Negara yang menyokong dasar-dasar pembangunan negara seperti Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan melengkapi Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL). -UTUSAN ONLINE